AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PERKARA AKADEMIK PRASISWAZAH)(PINDAAN)(NO.2) 2016

Suatu Kaedah-Kaedah bagi meminda Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014.

PADA MENJALANKAN kuasa yang diberikan oleh Kaedah 6(3) dan Kaedah 27 Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014, Senat meminda Jadual Kedua dan Jadual Ketiga kepada Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014 seperti berikut:

Tajuk Ringkas, Pemakaian dan Permulaan Kuat kuasa

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) (Pindaan)(No.2) 2016 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain–

"Kaedah-Kaedah Ibu" ertinya Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014.

Pindaan Jadual Kedua Kepada Kaedah-Kaedah Ibu

3. Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Ibu dipinda seperti berikut:-

(a) menggantikan keseluruhan perenggan 7 Kaedah-Kaedah Ibu dengan perenggan berikut:-

"Kursus Kemahiran

7. (1) Pelajar dikehendaki mendaftarkan kursus kemahiran yang ditetapkan oleh Senat dan melepasi tahap yang ditentukan bagi kursus kemahiran itu dalam tempoh Program Pengajiannya di Universiti seperti yang ditetapkan oleh Senat.

(2) Kursus kemahiran yang perlu didaftar dan tahap yang perlu dilepasi seperti yang ditentukan oleh Senat hendaklah diberitahukan kepada pelajar oleh Pendaftar."

(b) menggantikan keseluruhan perenggan 10 Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Ibu dengan perenggan berikut:-

"Pemindahan Kredit

10. (1) Permohonan pemindahan kredit kursus pengajian hendaklah dibuat kepada Dekan Fakulti pelajar yang berkenaan pada awal semester pertama pengajiannya dengan mengemukakan borang yang ditetapkan oleh Pendaftar. Sekiranya pemindahan kredit melibatkan kursus daripada fakulti lain, permohonan hendaklah dibuat kepada Dekan Fakulti yang menawarkan kursus itu. Pemindahan kredit hanya boleh dipertimbangkan bagi kursus pengajian yang sama dan lulus dengan mencapai sekurang-kurangnya gred C, atau kursus setara yang lulus dengan mencapai sekurang-kurangnya gred C+. Jumlah maksimum pemindahan kredit tidak boleh melebihi:

(a) 30% daripada jumlah jam kredit bergraduat untuk sesuatu Program Pengajian yang sedang diikuti daripada Program Diploma ke Bacelor;

(b) 50% daripada jumlah jam kredit bergraduat untuk pertukaran program daripada institusi pengajian tinggi lain pada peringkat pengajian yang sama;

(2) Bagi pertukaran program dalam Universiti pada peringkat pengajian yang sama, Dekan yang menerima pelajar akan menentukan jumlah jam kredit yang boleh dipindahkan.

(3) Semua permohonan pemindahan kredit perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada minggu kedua semester pertama pengajian seseorang pelajar itu.

(4) Pemindahan kredit itu diasaskan kepada kursus demi kursus pengajian yang telah lulus dan bukan sebagai keseluruhan bagi sesuatu Program Pengajian. Pemindahan kredit sesuatu kursus pengajian dibenarkan hanya sekali sahaja bagi sepanjang Program Pengajiannya.

(5) Kursus yang telah diberi pemindahan kredit tidak boleh didaftarkan semula oleh pelajar bagi maksud meningkatkan purata nilaian gred keseluruhan. Pelajar hanya boleh dibenarkan mengambil semula kursus yang demikian sebagai kursus audit."

Pindaan Jadual Ketiga Kepada Kaedah-Kaedah Ibu

4. Jadual Ketiga Kaedah-Kaedah Ibu dipinda seperti berikut:-

(a) menggantikan ungkapan "Pemindahan Kredit dan Pengecualian Kursus" dalam tajuk kepada perenggan 4 Jadual Ketiga Kaedah-Kaedah Ibu kepada ungkapan "Pemindahan Kredit".

Dibuat pada 21 Julai 2016

[Minit Mesyuarat Senat 622.08]

[UPM/PPUU/100-1/3/6/PerkaraAkademik;UPM/100/9/3]

PROFESOR DATIN PADUKA DR. AINI IDERIS

Pengerusi Senat

Universiti Putra Malaysia